



19 Disember 2013
19 December 2013
P.U. (A) 362

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL KREMATORIUM (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2013

CREMATORIUM (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KREMATORIUM
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2013

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-
undang
Kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Permohonan dan fi
4. Larangan terhadap pembakaran mayat
5. Masa pembakaran mayat
6. Spesifikasi keranda
7. Pelupusan abu
8. Daftar pembakaran mayat
9. Penyimpanan rekod
10. Pengecualian
11. Pembatalan
12. Kecualian

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KREMATORIUM
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 98 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Krematorium (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2013**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];

“krematorium” ertinya krematorium yang disediakan oleh Datuk Bandar di bawah subseksyen 94(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976; dan

“penjaga krematorium” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Datuk Bandar untuk menguruskan urusan krematorium.

Permohonan dan fi

3. (1) Tiada pembakaran mayat di krematorium boleh dibenarkan melainkan jika permohonan dibuat dalam borang sebagaimana yang disediakan oleh Datuk Bandar bagi maksud itu.

(2) Permohonan untuk pembakaran mayat hendaklah dibuat oleh mana-mana orang yang berikut:

- (a) waris kadim si mati;
- (b) seseorang yang diberi kuasa secara bertulis untuk membuat permohonan itu oleh waris kadim si mati;
- (c) wakil peribadi yang sah bagi si mati;
- (d) mana-mana saudara yang rapat dengan si mati;
- (e) mana-mana orang yang memperoleh permit menguburkan daripada polis atau pihak berkuasa hospital; atau
- (f) mana-mana orang lain yang memenuhi kehendak Datuk Bandar berkenaan dengan sebab-sebab permohonan itu tidak dibuat oleh mana-mana pihak yang disebut dalam perenggan (a) dan (b).

(3) Datuk Bandar boleh meluluskan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (2) tertakluk kepada—

- (a) pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan
- (b) apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(4) Datuk Bandar boleh, dalam apa-apa keadaan yang difikirkan perlu dan munasabah, mengecualikan keseluruhan atau sebahagian daripada fi yang dinyatakan dalam Jadual.

Larangan terhadap pembakaran mayat

4. (1) Tiada pembakaran mayat mana-mana si mati boleh dibenarkan di krematorium jika—

- (a) diketahui, dipercayai, atau disyaki bahawa si mati ialah seorang Islam;
- (b) terdapat keraguan sama ada si mati ialah seorang Islam;
- (c) diketahui bahawa si mati telah memberi apa-apa arahan atau petunjuk, sama ada secara lisan atau bertulis, supaya mayatnya tidak dibakar atau dikuburkan; atau
- (d) pengenalan si mati belum dapat dipastikan.

(2) Pemohon hendaklah menyerahkan suatu permit menguburkan yang dikeluarkan dengan sah oleh pihak polis atau pihak berkuasa hospital berkenaan dengan si mati kepada penjaga krematorium sebelum pembakaran mayat si mati itu boleh dijalankan.

Masa pembakaran mayat

5. (1) Krematorium hendaklah dibuka untuk pembakaran mayat pada hari dan masa sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) Walau apa pun perenggan (1), Datuk Bandar boleh, dalam keadaan tertentu, membenarkan pembakaran mayat dijalankan di krematorium pada bila-bila masa selain masa yang ditetapkan dalam Jadual.

Spesifikasi keranda

6. Sesuatu keranda yang digunakan untuk mengisi mana-mana mayat yang akan dibakar di krematorium hendaklah diperbuat daripada kayu menurut spesifikasi yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

Pelupusan abu

7. (1) Selepas tiap-tiap pembakaran mayat, abu si mati hendaklah diserahkan kepada orang yang telah memohon pembakaran mayat itu, jika dia menuntutnya.